

## **BAB VI**

### **KESIMPULAN**

Kajian ini telah memperlihatkan proses pembangunan perindustrian di Vietnam yang tidak berjalan dengan lancar. Pada peringkat awal, ia sering diganggu oleh pencerobohan kuasa asing dan siri peperangan yang tidak berhenti-henti. Selepas Vietnam mencapai penyatuan pada tahun 1975, tumpuan yang keterlaluan telah diberi kepada industri berat sehingga melumpuhkan pembangunan pertanian dan perindustrian ringan. Keadaan itu berterusan sehingga tahun 1979 apabila timbul kesedaran akan kesilapan yang dibuat terdahulu dalam strategi pembangunan perindustrian.

Kesedaran untuk mengadakan satu perubahan besar dalam strategi pembangunan ekonomi di Vietnam berterusan dan telah menekan dan mendesak kerajaan Vietnam untuk mengambil tindakan yang berani dengan memperkenalkan renovasi Doi Moi pada Parti Kongres yang ke Enam pada tahun 1986. Selepas Doi Moi diperkenalkan, terdapat pendebatan-pendebatan antara pucuk pimpinan Vietnam tentang setakat mana ekonomi harus dibuka dan diliberal dan sikap yang masih ingin mengagung-agungkan fahaman sosialis telah mengganggu pelaksanaan polisi Doi Moi dengan efektifnya.

Selepas lebih sepuluh tahun polisi Doi Moi dijalankan, terdapat kemajuan yang mengesahkan bahawa Doi Moi itu berjaya. Berikutan dengan Doi Moi, sistem perancangan pusat telah berubah ke arah pembentukan satu sistem pasaran bebas. Institusi-insitusi, undang-undang dan peraturan-

peraturan baru digubal dan diubahsuai mengikut perkembangan. Peranan sektor swasta dititikberatkan dan dibenarkan beroperasi secara rasmi, walaupun masih mempunyai sekatan-sekatan. Pemimpin-pemimpin mula membincangkan demokratik walaupun pemerintahan satu parti masih diteruskan di Vietnam.

Pembukaan ekonomi telah menarik kemasukan pelaburan asing yang mana banyak memberi sumbangan dalam pembangunan perindustrian di Vietnam secara keseluruhannya. Kesemua itu tidak boleh dinafikan, tetapi apa yang menjadi perhatian ialah adakah proses pembangunan itu boleh bertahan dan dapat dikekalkan memandangkan ramai pelabur asing yang melabur di Vietnam telah menarik diri dan sebahagian daripada mereka mengecilkan operasi masing-masing. Bagi pelabur-pelabur asing yang berpotensi pula, ramai telah patah semangat dan tidak memilih Vietnam sebagai satu tapak baru untuk pelaburan mereka.

Hasil kajian ini mendapati Vietnam tidak berkeupayaan untuk menghindarkan diri daripada pergantungan kepada sumbangan daripada pelabur-pelabur asing. Tidak dinafikan Vietnam mempunyai sumber-sumber semulajadi seperti tenaga buruh muda, bertenaga dan intelek tinggi, deposit-deposit bahan galian yang banyak yang masih belum dieksplotasi serta kemudahan infrastruktur yang semakin meningkat.

Bagaimanapun kesemua itu tidak boleh diutiliti dengan berkesan tanpa kemasukan kapital luaran, teknologi baru dan pasaran antarabangsa. Jelasnya Vietnam kekurangan dalam ketiga-tiga aspek tersebut. Kemasukan pelaburan asing sepatutnya boleh melengkapi jurang itu. Memang

tiada faktor teori yang menganggapkan pelaburan asing adalah bermanfaat sepenuhnya kepada pembangunan perindustrian di sesebuah negara sedang membangun. Kesan-kesan negatif pelaburan juga banyak dibincang oleh ahli-ahli ekonomi. Dalam kajian di Vietnam, didapati pelaburan asing memainkan peranan atau memberi sumbangan besar dalam meningkatkan KNK secara keseluruhannya. Ini bermakna kejatuhan dalam pelaburan asing di Vietnam pasti akan merendahkan prestasi KNK.

Kejatuhan pelaburan asing dalam pembangunan perindustrian di Vietnam berkait langsung dengan krisis ekonomi yang merebak di seluruh dunia. Bagaimanapun apa yang lebih menonjol ialah, Vietnam juga mempunyai banyak kelemahan-kelemahan yang amat mencabar kesabaran dan minat pelabur-pelabur asing. Banyak projek pelaburan asing telah gagal akibat birokrasi yang tidak berkesan dan sistem perundangan yang tidak menjamin. Kerajaan Vietnam tidak mempunyai masalah dalam meluluskan undang-undang memandangkan Dewan Negaranya didominasikan oleh ahli-ahli Parti Komunis. Tetapi, undang-undang yang wujud tidak dikuatkuasakan dengan efisien, manakala banyak undang-undang hanya diluluskan kerana dianggap perlu sahaja tanpa menggunakannya. Tindakan-tindakan sedemikian telah menyebabkan undang-undang tidak dihormati dan dipatuhi oleh masyarakat.

Sebenarnya, undang-undang yang telah digubal dan dilulus patut dirujuk dan diumumkan kepada umum. Ia harus dianggap sebagai kayu pengukur tunggal di semua peringkat. Untuk mengurangkan pengadilan yang berdasarkan pilihan secara sewenang-wenang atau budi bicara sendiri, kerajaan Vietnam patut bergantung kepada pegawai-pegawai tempatan yang

jujur dan berkaliber yang berkongsi visi yang sama dengan kerajaan pusat. Untuk memastikan kejujuran dan keikhlasan, memerlukan satu transformasi yang sempurna dalam birokratik sosialis, dalam cara pengambilan tenaga kerja dan pemberian “*favor*” berasaskan prinsip merit. Hukuman yang ketat terpaksa diadakan untuk mengelakkan rasuah dan penyelewengan.

Hasil kajian ini juga mendapati Vietnam akan terus menghadapi masalah di atas pada masa depan. Ini kerana perubahan yang mendadak tidak mungkin berlaku memandangkan kelakuan ini juga berkait rapat dengan mentaliti dan budaya orang Vietnam yang tidak mengakui keteguhan undang-undang dan menghormati penguatkuasaanya.

Selain daripada masalah dalam birokratik, kekurangan komunikasi yang baik iaitu ketidakfahaman mengenai mentaliti dan budaya Vietnam serta perlakuannya dalam urusan perdagangan dan pelaburan merupakan satu masalah lain yang perlu dihadapi oleh pelabur-pelabur asing. Bagi sebuah masyarakat yang mementingkan hubungan individu, maka satu rakan usahasama yang boleh dipercayai dan berkaliber memainkan peranan yang sangat penting. Malangnya, rakan-rakan usahasama kebanyakannya ditentukan oleh kerajaan tempatan dan terdiri daripada syarikat milik kerajaan. Kebebasan untuk memilih rakan-rakan usahasama terbatas menyebabkan kurangnya penilaian dan perbandingan yang neutral. Hadir sendiri untuk melihat dan merasai serta menyedari apa yang sedang berlaku dalam realiti adalah amat penting.

Kajian ini telah mendedahkan perikliman pembangunan perindustrian dari aspek pelaburan asing dalam tahun-tahun 1986-1996,

persoalan-persoalan seperti bagaimana ia mula berkembang dan mengapa negara Vietnam mempunyai masalah dalam menarik dan mengekalkan pelaburan asing telah dibincangkan. Selain itu, bagaimana fenomena reaksi lembap dari pelabur-pelabur asing akan mengganggu proses pembangunan perindustrian juga telah diuraikan dalam kajian ini. Untuk mendapat satu gambaran yang lebih lengkap mengenai tahap pembangunan perindustrian dan kepentingan pelaburan asing, latar belakang pembangunan perindustrian di Vietnam dikaji bermula dari tahun 1954 hingga 1980-an. Dengan berbuat demikian, pengkaji merumuskan bahawa negara Vietnam sebelum polisi Doi Moi tidak mempunyai satu strategi pembangunan perindustrian yang jelas dan berjaya.

Sebelum polisi Doi Moi dimulakan, Vietnam amat bergantung kepada bantuan kewangan asing daripada menarik masuk pelaburan asing. Ini amat penting dalam menganalisa mengapa negara Vietnam pada tahun 1990-an tidak dapat menampung kemasukan pelaburan asing, yang mana sebab utama ialah kekurangan pengalaman dalam pengendalian urusan dengan pelabur-pelabur asing. Dalam prospektif yang lebih luas, kajian ke atas sejarah perkembangan pembangunan perindustrian di Vietnam juga memberikan satu gambaran bagaimana satu transisi dari perancangan pusat ke sistem pasaran bebas telah terbentuk. Daripada itu, masalah-masalah dari segi makro dan mikro ekonomi boleh dikesan.

Kajian ini telah membincangkan polisi-polisi yang wujud selepas Doi Moi, di mana peraturan-peraturan pelaburan asing dan insentif insentif yang berkaitan telah diberi perhatian. Selain itu, penentu-penentu

persaingan dari aspek penawaran, seperti pembangunan infrastruktur, fasiliti kewangan dan penawaran tenaga kerja turut dibincangkan. Kajian dari segi penentu-penentu telah menunjukkan bahawa Vietnam memang mempunyai potensi yang besar berbanding dengan negara-negara sedang membangun yang lain, beberapa kekurangan yang didapati pasti boleh diatasi pada masa depan dan terdapat kesan-kesan yang menggalakkan. Jadi apakah yang menyebabkan pelabur-pelabur asing yang mempunyai visi jangka panjang merasa kecewa dan marah terhadap perkembangan ekonomi pasaran di Vietnam.

Satu kajian kes yang berdasarkan pengalaman sebuah syarikat usahasama Malaysia-Vietnam telah dirujuk untuk membincangkan faktor-faktor yang mematahkan semangat pelabur-pelabur asing di Vietnam. Berdasarkan kajian kes ini, pengalaman syarikat ini dapat mewakili keadaan pelabur-pelabur asing yang lain di Vietnam amnya dan di Danang, khususnya. Segala kesulitan, masalah dan rintangan yang dihadapi oleh pihak pelabur asing hingga membawa kepada kegagalan telah dibincangkan dengan mendalam.

Di samping itu, kajian ini telah menemukan bahawa pembangunan EPZ dan IZ mempunyai perhubungan langsung dengan pembangunan perindustrian di Vietnam.

Berdasarkan kajian kes ini, kesimpulan yang didapati ialah percanggahan dalam konsep dan ideologi antara pemimpin-pemimpin Vietnam telah mengeliru dan menjelas keyakinan pelabur-pelabur asing. Di samping itu, ramai berpendapat Doi Moi telah hilang tenaganya. Kenyataan

ng dibuat oleh Parti Kongres Kelapan pada tahun 1996 menunjukkan kerajaan Vietnam masih ingin meletakkan syarikat milik negara sebagai tulang selakang ekonomi Vietnam. Keputusan ini tidak menggalakkan pertumbuhan sektor swasta dan mematahkan semangat komuniti pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur tempatan dan asing. Syarikat milik negara yang kurang bersaingan dilindungi oleh polisi itu dan akan terus kurang persaingan kerana tiada persaingan tiada kemajuan". Pemimpin Vietnam yang tunduk kepada tekanan politik memperlihatkan Vietnam tidak mungkin membuka pintu nengikut perkembangan dan permintaan pasaran bebas malahan ia akan sekali-kala melambatkan langkah kemajuan Vietnam terutama dari aspek pelaburan asing kerana takut akan menyinggung perasaan masyarakat tempatan.

Bagaimanapun, hasil kajian ini mendapati perasaan sesetengah golongan yang akan tersinggung perasaan adalah terdiri daripada "kapitalis" yang bertopikan sosialis. Kerap kali golongan yang berkuasa yang menyuarakan ketidakpuasan terhadap pelabur-pelabur asing antaranya seperti eksloitasi, mengaut keuntungan dan merampas tanah Vietnam semua ini menyampaikan maksud bahawa "kabajikan" mereka tidak dijaga dan mereka tidak dapat menikmati "keuntungan" yang dihasilkan. Sungutan dan kritikan jarang disuarakan oleh golongan masyarakat yang umum. Sifat sebegitu tertonjol dalam kajian kes ini.

Daripada kajian kes menunjukkan masalah birokrasi dan *red tape* telah menghantu dan menakutkan pelabur-pelabur yang berminat. Kekurangan pengalaman dalam arena antarabangsa dan kelambatan dalam

menyerapi sistem pasaran ekonomi menyebabkan operasi pelaburan tidak dapat dijalankan dengan lancar seperti yang dijanjikan. Perubahan-perubahan dalam struktur institusi dan pentadbiran tidak dapat memenuhi permintaan yang meningkat berikutan dengan perkembangan semasa. Kajian kes ini memperlihatkan masalah birokrasi amat mengecewa dan membosankan pelabur Malaysia sehingga minat pelabur Malaysia semakin tawar dan tidak menaruh harapan tinggi dalam projek pelaburan tersebut dan secara tidak langsung menggagalkan projek ini.

Masalah birokrasi dan *red tape* ini terdapat di negara-negara sedang membangun. Daripada kajian ini didapati masalah ini tidak akan berkekalan memandangkan kerajaan Vietnam mengakui akan kelemahan ini dan berusaha untuk mengubah imej sedemikian. Bagaimanapun kesedaran ini hanya terdapat di golongan pemimpin kerajaan pusat dan diperingkat kerajaan tempatan masih kurang dedahan dan berpegang teguh kepada amalan *red tape* ini. Hasil kajian ini mendapati bukan mereka tidak menyedari akan hakikat ini tetapi dengan mengikut sistem lama lebih menjamin kepentingan mereka daripada menyerap atau mengubah kepada sistem yang tulus dan kurang birokrasi.

Dalam kajian kes di Danang, didapati pemimpin-pemimpin tempatan yang dianggap paling konservatif antara provinsi-provinsi Vietnam bukan kerana kurang berpendidikan dan dedahan luaran (jangan lupa Danang pernah diduduki oleh Amerika Syarikat malahan *China Beach* yang mahsyur sering terdapat dalam cerita *combat* Amerika Syarikat), tetapi ialah untuk menjamin kedudukannya tidak tergugat. Kajian ini mendedahkan sifat

nasionalisma telah memainkan peranan secara tidak langsung di mana pemimpin-pemimpin tempatan sangat memerlukan penghormatan daripada pelabur-pelabur asing. Ini kerana mereka menyedari cara pengendalian dan teknologi mereka telah ketinggalan zaman dan mereka tidak "yakin" bahawa mereka akan "menang" dalam perbincangan sesuatu mesyuarat dengan pelabur asing. Taktik yang paling baik ialah menggunakan birokrasi dan *red tape* sebagai "cover" bagi kelemahan yang terdapat dalam pentadbiran mereka. Selagi pemimpin tempatan tidak mempunyai keyakinan diri yang sihat dan mengamalkan nasionalisma yang terlalu sempit, masalah birokrasi ini tidak dapat diatasi dengan senang. Ia boleh dibaiki dari segi polisi-polisi kerajaan tetapi tidak di peringkat pelaksanaan.

Kajian kes ini telah membuktikan kebanyakan syarikat usahasama berakhir dengan kegagalan dan cerita-cerita pahit. Faktor-faktor yang menyebabkan peratus kegagalan yang tinggi selain kerajaan Vietnam yang memihak kepada syarikat milik negara dan menggalak pelabur asing memilih rakan kongsi dari syarikat milik negara yang disyorkan, mentaliti rakan kongsi Vietnam secara umumnya adalah homogeneus iaitu mementingkan jangka masa pendek dan ingin mendapat keuntungan secepat mungkin.

Terdapat kajian dan buktian yang menunjukkan kekurangan rakan kongsi dari segi pengalaman antarabangsa dan urusan koperat dan pengurusan sistem pasaran bebas. Memang ini tidak dinafikan terutama dalam kajian kes ini. Kajian ini menemukan perasaan ingin jadi cepat kaya yang mendesak rakan kongsi Vietnam melakukan penyelewengan kuasa dan tidak

memberi kerja sama kepada pelabur asing. Ini berhubung rapat dengan sejarah Vietnam yang selama ini miskin dan kurang peluang untuk jadi kaya. Pelabur asing yang datang dengan kapital dan teknologi telah menjadi punca pendapatan rakan kongsi Vietnam yang selama ini tidak pernah terfikir mereka akan mendapat peluang ini. Oleh ini, mereka akan cuba sedaya upaya untuk mengaut keuntungan yang banyak semasa ia masih berkuasa. Rakan kongsi Vietnam dalam kajian kes ini telah berkali-kali mendedahkan akan hakikat ini terutama dalam perbincangan yang ada kaitan dengan kepentingan mereka.

Kajian kes ini juga mendedahkan mentaliti dan nilai budaya orang Vietnam yang unik yang melemahkan minat pelabur asing melakukan pelaburan asing di Vietnam. Walaupun sukar dirumuskan kerana ia merupakan sesuatu yang sangat subjektif dan tidak konkret. Hasil kajian ini mendapati sifat mentaliti dan nilai budaya yang dibincangkan di dalam kajian itu mempunyai asas yang kukuh memandangkan apa yang diperhati dan didapati dalam masa kini terdapat persamaan-persamaan dengan temuan-temuan seorang pengkaji Amerika pada masa 1960-an seperti jawapan “yes” dan senyuman yang mengelirukan pelabur-pelabur asing, sifat ketidakpercayaan dan sebagainya.

Selain daripada itu, masalah dalam perkembangan perbankan dan institusi kewangan yang berkait rapat dengan kemasukan kapital asing dan berurusan terus dengan perdagangan dan pelaburan di Vietnam. Dalam hubungan ini, kajian ini mengutarakan ketidakcukupan kapital dalaman untuk pembangunan perindustrian adalah disebabkan masyarakat Vietnam tidak percaya dan yakin akan sistem pembankalan di Vietnam. Selain ini, pelabur-

pelabur asing juga menghadapi masalah untuk mendapat pinjaman-pinjaman dari luar negeri kerana imej pembankuan di Vietnam tidak menyakinkan. Keadaan ini secara langsungnya akan mempengaruhi utiliti kapital dalam dan luaran dalam pembangunan ekonomi di Vietnam.

Fenomena rasuah dan penyeludupan yang merebak luas di Vietnam telah menjaskannya imej dan keberkesanan usaha-usaha kerajaan Vietnam dalam menarik kemasukan pelaburan asing. Rasuah dan penyeludupan berlaku di setiap sudut masyarakat. Melakukan rasuah dan penyeludupan lebih senang daripada tidak melakukannya di Vietnam kerana ia telah berakar umbi dalam kebanyakan anggota masyarakat. Ia bertunjang akibat sejarahnya yang penuh dengan pengelutan dan perang di mana penduduk-penduduk akan mengguna apa sahaja cara untuk mendapat makanan dan keselamatan, dan pemberian sesuatu kepada pihak yang berkuasa merupakan jalan yang paling berkesan dan cepat untuk mencapai matlamat.

Pihak berkuasa pula dengan gaji yang tidak seberapa juga mengharapkan pendapatan tambahan. Dengan adanya permintaan dan penawaran yang sebegini dalam masyarakat Vietnam, maka adalah sukar untuk Vietnam menghapuskan amalan ini dalam masa yang singkat. Ia memerlukan pendidikan yang bergenerasi dan juga sistem pentadbiran dan pengurusan yang baik, tulus dan adil. Dan kesemua ini boleh berlaku jika masyarakat Vietnam telah maju dan taraf hidup penduduk Vietnam telah meningkat dan jurang antara golongan kaya dan miskin dirapatkan.

Hasil kajian ini terbukti kelambatan dalam pembangunan perindustrian berkait rapat dengan kegagalan Vietnam untuk menarik dan

mengekal pelabur-pelabur asing. Kegagalan pelabur-pelabur asing di Vietnam adalah disebabkan perbezaan ideologi, masalah birokrasi dan *red tape*, mentaliti dan budaya masyarakat Vietnam, rasuah dan penyeludupan yang berleluasa, sistem perundangan, pentadbiran dan kewangan yang tidak lengkap dan memadai dan kemudahan infratruktur yang tidak cekap.